

PM ajak dunia Islam sokong inisiatif Pakistan

Oleh Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Malaysia yang menyokong inisiatif Pakistan merangka pelan rundingan bagi menyelesaikan konflik Asia Barat berharap supaya lebih banyak negara Islam turut terbabit dalam usaha itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Malaysia berharap satu kumpulan lebih besar negara Islam dapat menyertai inisiatif dipelopori Pakistan itu untuk membincangkan perkara berkenaan dengan lebih lanjut.

“Dengan adanya kumpulan lebih besar, kita dapat meneliti punca sebenar kepada konflik di Asia Barat”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

BH - 2/2/2007
“Kita sudah mengkaji banyak perkara berlaku di Asia Barat dan berharap dengan adanya kumpulan lebih besar, kita dapat meneliti punca sebenar menyumbang kepada konflik,” katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Presiden Pakistan, Pervez Musharraf selepas kedua-dua pemimpin itu mengadakan pertemuan tertutup selama kira-kira 40 minit, di sini, semalam.

Musharraf tiba di sini kelmarin dalam rangka lawatan dua hari bagi membincangkan inisiatif diusahakan negaranya bersama beberapa ne-

gara Islam lain dalam membantu menyelesaikan krisis di Palestin, Lubnan dan Iraq.

Sebelum ini, Musharaff berada di Jakarta untuk berbincang mengenai isu sama dengan Presiden Susilo Bambang Yudhoyono. Beliau sebelum ini sudah berbincang dengan pemimpin Mesir, Jordan, Arab Saudi, Syria dan Emiriyah Arab Bersatu. Sambil menyifatkan pergolakan di Asia Barat sebagai sesuatu yang sukar diselesaikan, Perdana Menteri berkata, usaha Pakistan itu sangat dialu-alukan kerana ia dapat mewujudkan negara Islam yang har-

moni dan adil.

Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, perkembangan terkini di Asia Barat terutama Palestin, Lubnan dan Iraq yang dimaklumkan Musharraf kepadanya wajar diperincikan bagi membentuk inisiatif baru itu.

Katanya, sebelum ini pelbagai pihak sudah berusaha mencari penyelesaian bagi konflik di Asia Barat termasuk Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

LIHAT MUKA 2

Pelan Pakistan tak gugat peranan OIC

DARI MUKA 1

(PBB), Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), Liga Arab dan beberapa kumpulan lain.

"Isu mengenai konflik di Asia Barat tidak mudah ditangani, malah usaha pelbagai pihak untuk mencari penyelesaian berhubung sengketa di wilayah itu belum nampakkan sebarang kejayaan.

"Bagaimanapun, keadaan di negara yang masih bergolak itu tetap mendapat perhatian menerusi semangat, persefahaman, kerjasama dan kata sepakat yang dicapai," katanya.

Sementara itu, Musharraf berkata, pihaknya berpendapat, adalah tidak salah untuk Pakistan cuba memulakan inisiatif baru itu bagi mencapai sesuatu yang boleh memanfaatkan seluruh negara Islam di Asia Barat.

"Mungkin menerusi pendekatan kali ini kejayaan boleh dicapai. Kita tidak boleh memberi jaminan ia akan berjaya, tetapi sekurang-kurangnya kita mesti terus mencuba ke arah itu.

"Jika kita melalui pelbagai masalah di dunia, keadaannya lebih buruk di Asia Barat," katanya yang gembira dengan hasil positif perbincangannya bersama Abdullah dan berhasrat melanjutkan usaha itu.

Beliau berkata, inisiatif baru itu diharap boleh mengubah keadaan sedia ada ke arah proses kebaikan untuk menangani konflik di negara berkenaan.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata langkah itu tidak menjejaskan kedudukan OIC kerana proses rundingan berkenaan diadakan di kalangan negara Islam yang majoriti penduduknya umat Islam.

"Masih pada peringkat awal, sebab itu mereka masih mengadakan berunding dan beberapa pemimpin dijangka mengadakan pertemuan dalam masa terdekat untuk membincangkan lebih terperinci mengenainya," katanya.